



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGGUNAAN BAHAN BANTU
MENGAJAR MEMBINA AYAT BAHASA MELAYU TAHAP 1**

*TEACHERS' PERCEPTIONS TOWARDS THE USE OF TEACHING AIDS TO
BUILD MALAY SENTENCES LEVEL 1*

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi^{1*}, Susana Saban², Norazimah Zakaria³, Abu Bakar Yusuf⁴

¹ Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my

² Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: mitzshana@yahoo.com

³ Faculty of Language and Communication, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: norazimah@fpm.upsi.edu.my

⁴ Faculty of Human Development, University Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia
Email: abubakar.y@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2023

Revised date: 20.11.2023

Accepted date: 05.12.2023

Published date: 12.12.2023

To cite this document:

Hanapi, M. H. M., Saban, S., Zakaria, N., & Yusuf, A. B. (2023). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Membina Ayat Bahasa Melayu Tahap 1. *International Journal of Modern Education*, 5 (19), 116-123.

DOI: 10.35631/IJMOE.519008

Abstrak:

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah amat penting agar setiap yang diajar adalah lebih jelas dan sistematik serta dapat diikuti oleh murid-murid dengan lebih baik. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi guru terhadap keberkesanaan penggunaan bahan bantu mengajar untuk pengajaran membina ayat Bahasa Melayu tahap 1. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk soal selidik. Data yang diperoleh melalui soal selidik ini akan dianalisis menggunakan (SPSS). Kajian ini melibatkan 50 orang responden iaitu terdiri daripada guru Bahasa Melayu tahap 1 di Daerah Julau Sarawak. Hasil dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk min, sisihan piawaian dan peratusan. Secara keseluruhannya, guru-guru perlu sedar bahawa penggunaan BBM dalam PdP adalah penting untuk menarik minat dan meningkatkan prestasi murid-murid serta mencapai objektif pengajaran guru terhadap sesuatu mata pelajaran.

Kata Kunci:

Persepsi, Pengetahuan Guru, Bahan Bantu Mengajar (BBM) Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21)

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstract:

The use of Teaching Aids (TEAs) in the Teaching and Learning (PdP) process is very important so that everything taught is more clear and systematic and can be followed by the students better. This study was conducted to find out the teacher's perception of the effectiveness of using teaching aids for the teaching of constructing sentences in Bahasa Melayu level 1. This study was conducted using a survey method in the form of a questionnaire. The data obtained through this questionnaire will be analyzed using (SPSS). This study involved 50 respondents, consisting of Level 1 Malay teachers in the Julau District of Sarawak. The results of the study are reported in the form of mean, standard deviation and percentage. Overall, teachers need to be aware that the use of BBM in PdP is important to attract interest and improve students' performance and achieve the teacher's teaching objectives for a subject.

Keywords:

Perception, Teacher's Knowledge, Teaching Aids (BBM) for 21st Century Education

Pengenalan

Dalam sesebuah institusi pendidikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dilihat sebagai satu kuasa atau pendorong yang penting bagi mencorakkan modal insan yang dilahirkan. Guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Guru juga perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengajaran, mahir dalam subjek yang diajar, mempunyai kepakaran dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran, mampu menguruskan emosi murid dan sebagainya. Guru yang bijak, kreatif dan inovatif dapat menggunakan kaedah pengajaran pembelajaran yang berkesan dan melibatkan murid secara aktif dan terkawal. Kepelbagaian kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran akan menjadikan murid aktif, seronok dan mudah menerima apa yang diajar oleh guru.

Berdasarkan pernyataan ini, pelbagai bahan bantu mengajar sebagai bahan pengajaran sokongan dibina dengan menggabungkan strategi pengajaran seperti main peranan, kaedah belajar sambil bermain dan pelbagai lagi kaedah yang boleh digunapakai oleh guru. Murid akan lebih seronok untuk belajar menggunakan bahan bantu mengajar sebagai bahan pembelajaran sokongan kerana ia membolehkan murid mengeksplorasi dan menimba pengalaman mereka sendiri belajar menggunakan bahan tersebut seterusnya objektif pengajaran yang disampaikan oleh guru kepada murid dapat diterima dan difahami dengan baik. Menurut Siti Rubiyani et al. (2020), bahawa guru perlu mempunyai kecekapan yang tinggi sama ada dari segi kemahiran, pengetahuan dan sikap. Guru perlu merancang pengajaran dan pembelajaran dengan sistematik dan tersusun, persediaan ini bertujuan untuk memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai. Lazimnya kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan strategi pengajaran guru atau pensyarah. Strategi dalam pengajaran pula mempunyai kaitan rapat dengan bahan bantu mengajar (BBM).

Kajian Literatur

Menurut Loh Wei Pen dan Zanaton (2019) kajian meningkatkan penguasaan kemahiran menulis ayat mudah dengan pakej peranti SBK bertujuan untuk membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat mudah dengan penggunaan Pakej Peranti SBK.

Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. BBM yang digunakan juga tidak berkesan dalam membantu murid pemulihan dalam kemahiran membina ayat. Oleh itu pakej peranti SBK telah dibina. Pakej ini dibina dengan menggunakan bahan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK), gambar, stuktur ayat dan kaedah unsur maju. Kajian ini melibatkan tiga orang murid pemulihan Tahun 4 di sekolah Alor Gajah, Melaka. Hasil kajian menunjukkan peningkatan dalam penguasaan murid-murid pemulihan dalam kemahiran menulis ayat dengan kemahiran menggunakan kosa kata dan struktur ayat yang betul dengan menggunakan Pakej Peranti SBK. Murid-murid lebih yakin dan suka akan Pakej Peranti SBK di dalam pembelajaran kemahiran menulis ayat. Malahan pengkaji telah memperbaiki amalan dalam pengajaran kemahiran menulis ayat.

Kajian Regina Simba Vendrick dan Zamri Mahamod (2019) iaitu Facebook Sebagai Medium Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Ayat Gramatis Dalam Kalangan Murid Lemah Bahasa Melayu. Kajian tersebut membincangkan tujuan penggunaan facebook sebagai medium pengajaran dan pembelajaran kemahiran membina ayat gramatis di dalam kalangan murid tahun enam di sebuah sekolah rendah di luar bandar di daerah kecil Debak, Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan facebook sebagai alat pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah terhadap keputusan peperiksaan murid. Kajian yang didasari oleh Teori Behaviorisme dan telah disokong oleh Model Penerimaan Teknologi Davis merupakan satu kajian tindakan yang menggunakan medium facebook sebagai alat alternatif dalam mengatasi masalah murid yang lemah membina dan menulis ayat gramatis dengan menambah Teknik SALAK sebagai elemen rangsangan. Kajian terdiri daripada tiga orang murid tahun enam yang lemah menguasai kemahiran menulis ayat yang gramatis. Data kajian ini diperolehi secara kualitatif dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati ketiga-tiga orang murid memberikan tindak balas yang positif terhadap pembelajaran menggunakan facebook dan juga penguasaan murid dalam menulis ayat gramatis Bahagian A telah meningkat dalam ujian akhir tahun.

Pernyataan Masalah

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai terutamanya untuk bahasa kedua kerana pelajar mesti mempelajari struktur ayat dan tatabahasa dengan betul. Menurut Chew dan Dewih Haris (2020), guru harus merancang pengajaran, menggunakan Bahan Bantu Mengajar yang kreatif dan menyelaraskan aktiviti supaya bersesuaian dengan tahap kemampuan pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Kajian yang dijalankan oleh Nora'Azian Nahar (2020) juga memperoleh dapatan yang serupa bagi ujian kemahiran menulis, iaitu sebanyak 65.2% pelajar mendapat skor yang sangat rendah. Mereka hanya mampu menulis ayat pendek yang mengandungi banyak kesalahan Bahasa.

Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis (2021) menjelaskan bahawa kemahiran menulis haruslah memberi penekanan terhadap beberapa aspek seperti ayat yang ditulis mestilah gramatis, penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul, serta turut diberi penekanan adalah tulisan murid mestilah jelas dan kemas.

Pembinaan bahan sumber bantuan pengajaran seperti modul perlu diberi keutamaan untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan guru menerapkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid (Hashimah Hussein et al., 2020). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian, menarik dan mudah. Guru juga perlu kreatif dalam membina serta mengolah BBM kerana penggunaan bahan yang kurang menarik akan menyebabkan murid kurang fokus dalam

pembelajaran. Oleh itu, guru perlu melakukan persediaan yang mantap daripada isi kandungan pengajaran, aktiviti dan BBM yang bersesuaian sebelum memulakan kelas.

Metodolgi

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar membina ayat Bahasa Melayu tahap 1. Kaedah kajian bagi makalah ini adalah kaedah kuantitatif. Kaedah tinjauan telah dipilih oleh pengkaji sebagai reka bentuk kajian ini. Ini berikutan kajian ini menggunakan saiz populasi yang besar dan memperoleh maklumat secara soal selidik sekali sahaja. Pengkaji akan menganalisis data menggunakan analisis deskriptif. Ini kerana kajian ini melibatkan frekuensi, pengiraan min, medium dan mod. Kajian ini hanya melibatkan lebih kurang 50 orang guru yang terdiri daripada guru lelaki dan guru perempuan. Responden kajian adalah di kalangan guru-guru sekolah rendah yang mengajar di Daerah Julau, Sarawak yang mengajar tahap 1 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Analisis Kajian

Dapatan kajian yang diperoleh adalah merujuk kepada maklum balas responden seramai 50 orang guru daripada sekolah rendah di daerah Julau, Sarawak. Borang soal selidik telah diguna pakai bagi mendapatkan data. Program SPSS Windows versi 21.0 telah digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh bagi mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan yang diperoleh adalah untuk menjawab semua persoalan kajian.

Analisis Persoalan Kajian: Apakah Persepsi Guru-Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Membina Ayat Bahasa Melayu Tahap 1 Di Daerah Julau?

Bil.	Pernyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisih Piawai
1	Penggunaan BBM sangat penting untuk meningkatkan kefahaman murid tentang menulis ayat.	-	-	40% (20)	60% (30)	3.60	0.494
2	Penggunaan BBM adalah sangat penting untuk menarik murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	-	-	44% (22)	56% (28)	3.56	0.501
3	Penggunaan BBM sangat penting untuk meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti PdP di dalam kelas.	-	-	40% (20)	60% (30)	3.60	0.494
4	Penggunaan BBM sangat penting untuk memupuk perasaan ingin tahu murid.	-	-	44% (22)	56% (28)	3.56	0.501
5	Penggunaan BBM adalah cara yang seronok dan mudah untuk membina ayat.	-	-	40% (20)	60% (30)	3.60	0.494
6	Penggunaan BBM membawa kepada sikap murid yang lebih baik terhadap menulis ayat.	-	-	38% (19)	62% (31)	3.62	0.490

7	Penggunaan BBM dalam PdP - adalah menjimatkan masa.	12% (6)	34% (17)	54% (27)	3.42	0.702
---	--	------------	-------------	-------------	------	-------

Jadual 1.0

Jadual 1.0 di atas menunjukkan dapatan kajian persepsi guru-guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran membina ayat Bahasa Melayu Tahap 1 di daerah Julau Sarawak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada pernyataan pertama iaitu “Penggunaan BBM sangat penting untuk meningkatkan kefahaman murid tentang menulis ayat” menunjukkan min sebanyak 3.60 (SP = 0.494) iaitu seramai 20 (40%) orang responden memilih setuju dan 30 (60%) orang responden memilih sangat setuju. Bagi pernyataan kedua iaitu “Penggunaan BBM adalah sangat penting untuk menarik murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu” menunjukkan min 3.56 (SP = 0.501) iaitu seramai 22(44%) orang memilih setuju manakala 28 (56%) memilih sangat bersetuju.

Manakala bagi pernyataan ketiga pula “Penggunaan BBM sangat penting untuk meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti PdP di dalam kelas’ menunjukkan min sebanyak 3.60(SP=0.494) iaitu seramai 20 (40%) orang bersetuju dan sebanyak 30 (60%) orang responden sangat setuju. Bagi pernyataan keempat pula iaitu “Penggunaan BBM sangat penting untuk memupuk perasaan ingin tahu murid” menunjukkan min sebanyak 3.56 (SP= 0.501) dimana sebanyak 22 (44%) orang responden menunjukkan bersetuju dan 28 (56%) orang responden menunjukkan sangat bersetuju.

Bagi pernyataan yang kelima iaitu “Penggunaan BBM adalah cara yang seronok dan mudah untuk membina ayat” menunjukkan min sebanyak 3.60 (SP= 0.494) dimana sebanyak 20 (40%) responden setuju dan sebanyak 21 (42%) sangat setuju. Bagi pernyataan keenam pula iaitu “Penggunaan BBM membawa kepada sikap murid yang lebih baik terhadap menulis ayat” menunjukkan min sebanyak 3.62 (SP = 0.490) iaitu sebanyak 19 (38%) orang responden setuju dan sebanyak 31 (62%) orang sangat setuju. Seterusnya pernyataan yang ketujuh pula “Penggunaan BBM dalam PdP adalah menjimatkan masa” menunjukkan min sebanyak 3.42(SP=0.702) iaitu sebanyak 6 (12%) orang responden tidak bersetuju, 17 (34%) orang responden setuju dan sebanyak 27 (54%) orang responden sangat setuju.

Bagi pernyataan yang ke lapan “Penggunaan BBM bukan faktor guru hilang kawalan di dalam kelas” menunjukkan min sebanyak 3.58(SP=0.498) 21(42%) setuju dan sebanyak 29(58%) menunjukkan responden sangat setuju. Bagi pernyataan yang seterusnya iaitu “Penggunaan BBM tidak akan menyebabkan suasana kelas menjadi kucar kacir” menunjukkan min sebanyak 3.58(SP=0.498) sebanyak 21(42%) responden setuju dan seterusnya sebanyak 29(58%) sangat setuju. Bagi pernyataan “Penggunaan BBM tidak memerlukan masa pengajaran yang lebih panjang” menunjukkan min sebanyak 3.50(SP=0.677) dimana sebanyak 5(10%) orang responden tidak bersetuju, 15(30%) orang responden bersetuju dan 30(60%) menunjukkan responden sangat setuju.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian tentang persepsi guru-guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran membina ayat Bahasa Melayu Tahap 1 di daerah Julau Sarawak menunjukkan purata keseluruhan min ialah 3.56 dan sisih piawai 0.485 berada pada tahap tinggi. Dengan merujuk hasil dapatan yang dipaparkan setiap pernyataan berada pada tahap yang tinggi. Pengkaji dapat merumuskan bahawa persepsi guru iaitu Penggunaan BBM membawa kepada sikap murid yang lebih baik terhadap menulis ayat adalah yang tertinggi.

Penggunaan BBM telah menunjukkan keberkesanan terhadap tingkah laku, tumpuan, meningkatkan kefahaman dan sebagainya. Melalui dapatan yang diperolehi penggunaan BBM murid telah menunjukkan keberkesanan terhadap tingkah laku dan minat terhadap pembelajaran. Secara tidak langsung murid juga dapat memberi tumpuan dengan lebih baik.

Kesimpulan

Dapatan kajian tentang persepsi guru-guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran membina ayat Bahasa Melayu Tahap 1 di daerah Julau Sarawak menunjukkan purata keseluruhan min ialah 3.56 dan sisih piawai 0.485 berada pada tahap tinggi. Pengkaji dapat merumuskan bahawa persepsi guru iaitu Penggunaan BBM membawa kepada sikap murid yang lebih baik terhadap menulis ayat adalah yang tertinggi. Penggunaan BBM telah menunjukkan keberkesanan terhadap tingkah laku, tumpuan, meningkatkan kefahaman dan sebagainya. Melalui dapatan yang diperolehi penggunaan BBM murid telah menunjukkan keberkesanan terhadap tingkah laku dan minat terhadap pembelajaran. Secara tidak langsung murid juga dapat memberi tumpuan dengan lebih baik.

Dapatan Kajian Rohayati, Astra, & Suwiwa (2019), mendapati penggunaan bahan multimedia interaktif berasaskan Pendidikan adalah kaedah efektif dalam meningkatkan hasil pembelajaran pelajar sekolah. Oleh yang demikian, untuk pelaksanaan sesi PdP yang berkesan, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan berbeza dengan kaedah tradisional yang hanya berpusatkan pada guru semata-mata. Antara transformasi yang dilaksanakan dalam sesi PdP ialah menggunakan komponen multimedia sebagai BBM. Selain itu, penggunaan BBM dalam proses PdP memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami sesuatu konsep di dalam kelas dengan lebih mudah. Penggunaan BBM yang berkesan mampu menarik minat pelajar untuk belajar serta meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian Charles dan Ying (2020) yang menjelaskan bahawa BBM merupakan satu pendekatan yang berkesan dan sangat penting untuk menarik minat serta tumpuan murid di dalam kelas, manakala penggunaan BBM juga telah meningkatkan kefahaman murid terhadap sesuatu pelajaran. Kesannya murid telah menunjukkan kemajuan dalam pelbagai aktiviti dan lembaran kerja yang diberi oleh guru.

Penghargaan

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya yang selalu memberikan sokongan dan motivasi dalam setiap langkah hidup saya, termasuk dalam penulisan artikel ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PM Dr Norazimah Zakaria, Puan Susana Saban dan En Abu Bakar Yusof yang selalu menjadi teman diskusi saya dalam segala hal.

Rujukan

- Abdullah, R., Ali, W. N. W. M., & Jusoh, A. (2021). The Use of Teaching Aids (BBM) in the Subject Theme of "Colonization in Southeast Asia in the 19th Century": Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema "Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19". *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(1), 1-13.
- Daud, N., & Ahmad Zanzali, N. A. (2009). *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar di Kalangan Guru Pelatih UTM Yang Mengajar Matematik* (Doctoral dissertation, University Teknologi Malaysia)

- Hamzah, I. N. S., & Mohamad, Z. (2021). Strategi Pengajaran Dalam Talian Yang Digunakan Oleh Guru Bahasa Melayu Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Sekolah Rendah. (Online Teaching Strategies Used by Malay Language Teachers in Improving Reading Primary School Students). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 54 – 67.
- Hamdan, A. R., Mohd Yasin, H. (2010). Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*, 1 – 8.
- Haruni, N. H., & Mohommadii, W. M. R. W. Keberkesanan Pembelajaran Bahasa Melayu Berteraskan Kreativiti Dalam Pembinaan Ayat.
- Hussain, F., Yusoff, N. M. R.N., Lubis, M. L. A., & Jusoh, M. Z. (2020). Amalan bahan bantu pengajaran nahu kurikulum bersepadu dini sekolah agama. *Jurnal 'Ulwan* 5 (1), 134-145.
- Husin, N. M., & Mohammad, W. M. R. W. (2023). Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid Tahun 1 di SJKC dari Perspektif Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 279-292.
- Ja'afar, F. (2017). Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. (Doctoral Dissertation, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia Yasin, M.
- Jaafar, A. N. M., Prabhakaran, S., Hosshan, H., Zalli, M. M. M., & Setambah, M. A. B. (2022). Penggunaan Kit 'My Fimoki' dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001689-e001689.
- Jamaludin, K. A. (2022). Pelaksanaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Pelajar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 340-352.
- Kamaruddin, N. H., Khairuddin, K. F., & Mansor, A. Z. (2022). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Khas dalam Meningkatkan Kemahiran Matematik Operasi Darab. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7 (1) 175 – 183.
- Kohlit, M., & Binti Maarof, F. (2021) Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Interaktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Asas pengaturcaraan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 15, 62 -79.
- Lamri, A., Mahamood, Z (2019). Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan murid-murid. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(33), 78 – 94.
- Omar, M. S., Saad, N. S., & Dollah, M. U. (2017). Penggunaan bahan bantu mengajar guru matematik sekolah rendah: The use of teaching aids primary school mathematics teachers. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 7(1), 32-46.
- Ping, C. J., & Aik, C. J. (2022). Meningkatkan Kemahiran Membina Ayat Majmuk Dalam Kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Dengan Menggunakan Modul Bergambar. *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif*, 1.
- Sallehin, S. A., & Abd Halim, F. (2018). Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. *Online Journal for TVET Practitioners*.
- Suhaimi, N. A. M., & Alias, A. (2022) Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Terhadap Bahan Bantu Mengajar Visual, Auditori dan Kinestetik yang sesuai Terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001526.

- Tikok, J. (2018). Sikap Dan Jantina Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Serian Terhadap Pemilihan Bahan Bantu Mengajar (The Attitude and Gender of Malay Language Primary School at Serian District toward the Choosing at Teaching Aids) *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (2), 13-21.
- Vendrick, R. S., & Mahamod, Z. (2019). Facebook Sebagai Medium Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Ayat Gramatis Dalam Kalangan Murid Lemah Bahasa Melayu.
- Wen, L. P., & Iksan, Z. H. Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Menulis Ayat Mudah Dengan Pakej Peranti Sbk.